
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

SAW203 - Teori Tingkahlaku Manusia dan Masyarakat

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Soalan 1** dari Bahagian A, **SATU (1)** soalan dari Bahagian B dan **SATU (1)** soalan dari Bahagian C.

BAHAGIAN A (30 markah)

Jawab **Soalan 1** di bahagian ini.

Soalan 1

Jawab LIMA (5) daripada lapan (8) konsep dalam soalan ini.

- a. Kesedaran kolektif
- b. Anomi
- c. Fakta sosial
- d. Solidariti organik
- e. Alienasi
- f. Materialisme dialektik
- g. *Verstehen*
- h. Jenis unggul (Ideal Type)

(30 markah)

BAHAGIAN B (40 markah)

Jawab **SATU** (1) soalan sahaja.

Soalan 2

Bincangkan sejauh manakah teori sosial/sosiologi membantu kita memahami kehidupan harian sosial.

(40 markah)

Soalan 3

- a. Bagaimanakah peraturan sosial dijelaskan mengikut Marx?

(20 markah)

- b. Mengikut Marx, apakah elemen-elemen penting untuk mewujudkan kesedaran kelas?

(20 markah)

BAHAGIAN C (30 markah)

Jawab **SATU (1)** soalan sahaja.

Soalan 4

Kuasa sosial seperti revolusi politik, revolusi industri, kebangkitan sosialisme, perbandaran, perubahan agama, dan perkembangan sains dalam abad ke-19 dan awal abad ke-20 di Eropah telah mempengaruhi pembangunan teori sosiologi. Bincangkan hubungkait kuasa sosial tersebut dengan kepentingan teori sosiologi yang muncul pada masa tersebut.

(30 markah)

Soalan 5

Berdasarkan teori yang dibincangkan oleh Simmel tentang peranan wang dalam masyarakat,

- a. terangkan bagaimana wang memberi kesan kepada nilai. (10 markah)
- b. terangkan bagaimana wang mempercepatkan proses rasionalisasi dalam masyarakat. (12 markah)
- c. apakah kesan-kesan negatif wang terhadap kehidupan sosial. (8 markah)

Soalan 6

- a. Apakah yang membentuk etika Protestant? (10 markah)
- b. Apakah itu semangat kapitalisme? (10 markah)
- c. Mengapakah semangat kapitalisme yang dimaksudkan Weber ini tidak wujud di China dan India? (10 markah)

Soalan 7

- a. Apakah perbezaan antara struktur sosial dengan hubungan sosial yang dimaksudkan oleh Radcliffe-Brown? (15 markah)
- b. Mengikut Radcliffe-Brown, demi memahami institusi ekonomi sesuatu masyarakat manusia, seseorang penyelidik perlu memahami struktur sosial masyarakat itu. Mengapa? (15 markah)